

# Cahaya

چہاٹی

Pembimbing Remaja Cemerlang

Bil 1/2023

*“Remaja Madani  
Harapan Bangsa”*



Membangun Belia Madani dalam  
Konteks Negara Masa Kini

Remaja dan Aspek Psikososial

BULI: Bagaimana Penyelesaiannya

Islamnya Napoleon Bonaparte

PERCUMA

ISSN 2976-2529



9 7 7 2 9 7 6 2 5 2 0 0 4

# Ashwa' Puteri Abu Bakar




Zurinah Binti Hassan

Asma', puteri Abu Bakar yang tabah  
Telah merelakan segalanya  
Terjahan pasir tajam  
Di dinding bukit yang curam  
Tamparan debu yang membara  
Marah musuh yang menyala  
Tajam mata yang membenci  
Tajam pedang yang mencari

Asma', puteri Abu Bakar yang gagah  
Tetap juga melangkah  
Berat angin di kakinya  
Azab lagi kandungannya  
Membawa bekalan makanan  
Untuk ayahnya Abu Bakar  
Dan Muhammad Nabi Besar  
Ketika mereka bersembunyi di dalam gua  
Merancang langkah ke Madinah  
Melakukan Hijrah yang payah

Asma', puteri Abu Bakar yang mulia  
Telah dapat melakukannya  
Kerana ketika itu terik gurun  
Dipayungi iman yang rimbun

Dan hari ini  
Kami mencari jejak yang hilang  
Di dalam debu yang lebih gersang



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam segala bentuk dan dengan pelbagai cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Cahaya diterbitkan secara dalam talian oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2016/1437H.

Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirimkan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Semua sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab berkaitan kehilangan tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.

Artikel yang disiarkan dalam majalah ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

# Sidang Redaksi

**PENAUNG**

Datuk Hajah Hakimah Binti Mohd Yusoff  
(Ketua Pengarah JAKIM)

**PENASIHAT**

Haji Ruslan Bin Said  
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi))

**KETUA PENGARANG**

Azman Bin Mat Hassan

**PENGARANG**

Mohd Meeftah Bin Anuar

**PENOLONG PENGARANG**

Nur Madihah Binti Rakes Junaidi

**PENYUNTING**

Mohamad Zahir Bin Abdul Halim

**PENGURUS EDARAN**

Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan

**PEMBANTU EDARAN**

Husna Salsabila Binti Mohd Al'Ikhsan  
Nurain Atiqah Binti Mohd Hazim

# Kandungan

- 2 SAJAK**  
Asma' Puteri Abu Bakar

- 3 SIDANG REDAKSI**

- 4 LAMAN PENGARANG**  
Remaja Madani Harapan Bangsa

- 5 BICARA CAHAYA**  
Membangun Belia Madani Dalam Konteks Negara Masa Kini

- 7 CAHAYA KEHIDUPAN**  
Remaja dan Aspek Psikososial

- 8 RENCANA**  
Idola Membawa ke Neraka

- 10 MOTIVASI**  
Kemahiran Teras Kecemerlangan

- 14 TANYA JAWAB**  
Buli: Bagaimana Penyelesaiannya

- 19 IKON CAHAYA**  
Islamnya Napoleon Bonaparte

- 24 ANEKDOT**  
'Break' Nafsu

- 26 RENUNGAN**  
Doa Penenang Hati

- 27 POSTER**  
Buat Baik Pada IbuBapa,  
Diper mudahkan Rezeki

- 28 KESIHATAN**  
Bahaya Merokok

**REKABENTUK**  
Percetakan Norfatimah Sdn. Bhd





# Remaja Madani Harapan Bangsa

Anotasi  
Pengarang

Ustaz Haji Mohd Meestah bin Haji Anuar

'Madani' berasal daripada istilah Arab, 'madinah' yang bermaksud kota atau bandar yang teratur dan bersistem, yang memungkinkan kemajuan dan keamanan berlaku. Jika hilang kemajuan dan keamanan, ia dinamakan 'qaryah' atau 'quro'. Maka ia hanya menjadi tempat berkumpul sahaja.

Bahkan konsep madani turut dikupas oleh para ilmuwan agung seperti Al-Farabi, Ibn Khaldun dan Ibn Miskawayh.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka pula mencatatkan madani sebagai membawa maksud maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan.

Umum mengetahui, peranan ramaja dan belia amatlah besar dalam memungkinkan sektor-sektor manusia yang lain seperti keilmuan, kebudayaan, kesihatan dan sebagainya terjamin.

Dalam era ledakan teknologi maklumat hari ini, kita biasa mendengar peribahasa yang berbunyi pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara.

Slogan ini membuktikan kepentingan belia dalam membangunkan negara khususnya ke arah pembentukan Malaysia Madani adalah sangat sangat diperlukan.

Hampir lebih separuh abad kita menghela nafas kemerdekaan, namun remaja yang merupakan bakal

tunjang negara kadangkala masih terbelenggu oleh pelbagai kemelut sosial. Ternyata mentaliti remaja di negara kita masih belum lagi mengalami anjakan paradigma selaras dengan arus pembangunan negara. Menurut kata mutiara sarjana, "Jika ingin melihat masa hadapan sesebuah negara, lihatlah remajanya pada hari ini."

Presiden Soekarno pernah mengungkap, "Berikan saya 10 orang belia waja, nescaya akan saya gegarkan dunia."

Ternyata di sini, remaja yang berkualiti dapat memperkasakan kegemilangan nusa dan bangsa. Oleh itu, setiap remaja perlu memainkan peranan mereka dengan penuh tanggungjawab dalam merencana pembangunan negara selaras acuan Madani sebagaimana yang telah digagaskan oleh YAB Perdana Menteri.

Belia yang cemerlang dalam pendidikan dan akhlak merupakan aset yang paling penting kerana bermulanya setiap perjalanan belia adalah mendapat pendidikan yang secukupnya tidak kira pendidikan daripada sekolah mahupun didikan daripada ibu bapa.

Semoga Allah SWT pelihara remaja dan belia kita demi masa depan negara yang lebih cemerlang, serta menjadi "Baldatun tayyibatun warabbun ghafur". Insha Allah.



# Membangun Belia Madani Dalam Konteks Negara Masa Kini



**Mohd Roslan Mohd Nor**  
Ketua Jabatan Sejarah & Tamadun Islam,  
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya



**Mohamad Fikri Mohd Bakri**  
Pembantu Penyelidik, Jabatan Sejarah & Tamadun Islam,  
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Pembangunan generasi madani merupakan aspek yang amat dititik beratkan oleh ajaran Islam. Madani merupakan istilah bahasa arab yang boleh dikaitkan dengan maksud kemajuan dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan dengan menyemai nilai-nilai murni kekeluargaan bagi pembinaan masyarakat. Ia juga merujuk kepada fatrah Madinah dalam sirah Rasulullah SAW. Dalam konteks pembinaan masyarakat, model negara Madinah yang didirikan oleh Rasulullah SAW adalah contoh bagi pembinaan generasi madani yang holistik. Sesuai dengan slogan baharu “Malaysia Madani” yang diasaskan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang telah menjadikan gagasan ini sebagai jalan ke depan untuk Malaysia serta masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya terus melangkah ke hadapan. Enam rukun utama yang terkandung dalam gagasan Malaysia Madani ialah kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan menjadi objektif utama yang ingin dicapai bagi membentuk masyarakat yang maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan. Kejayaan sesebuah gagasan dapat direalisasikan jika pembangunan masyarakatnya dititik beratkan. Antara kelompok masyarakat yang besar dalam menyumbang ke arah pembangunan

negara ialah golongan belia. Generasi ini merupakan golongan yang berperanan besar bagi sebuah anjakan paradigma dalam struktur kenegaraan. Persoalanya disini, apakah aspek atau ciri yang perlu dititik beratkan dalam pembinaan belia madani dalam konteks negara masakini?

## 1) Pembangunan Generasi Berasaskan Model “Rabbani”

Generasi Model Rabbani merujuk kepada insan-insan yang mempunyai ketuhanan akidah yang benar berdasarkan manhaj al-Quran dan as-Sunnah serta berupaya mengimplementasikan apa yang dipelajari sesuai dengan kehidupan. Penekanan kepada aspek ketuhanan merupakan item utama dalam membentuk generasi Rabbani. Generasi ini perlu dididik sejak kecil untuk mengenal Tuhan mereka yang sebenar iaitu Allah SWT agar mereka tahu bahawa manusia ini mempunyai Tuhan yang patut disembah, sentiasa diperhatikan dan membentuk sihat kehambaan dalam diri. Ibumapa merupakan individu yang bertanggungjawab bagi memberikan didikan awal ini sesuai dengan hadis baginda Rasulullah SAW: Setiap bayi yang lahir, dilahirkan di atas fitrah, maka kedua orang tuanya yang menjadikannya Yahudi, Majusi atau Nasrani.

(Sahih Muslim no: 2658). Pendedahan awal akan membentuk satu kefahaman yang utuh dalam diri anak-anak. Menurut Said Hawwa, sendi-sendi yang menjadi binaan asas kepada pembangunan modal insan Rabbani ialah penguasaan pengetahuan Islam klasik dan moden, penekanan akhlak Islamiah yang sempurna, penyuburan rohani yang jitu, serta berparadigma haraki (aktivisme) yang sejajar dengan tuntutan arus perdana. Penguasaan terhadap asas-asas ini akan melahirkan individu yang kuat pegangan akidahnya dan tidak mudah terpengaruh dengan kemunculan ideologi-ideologi yang bertentangan dengan Islam. Mutakhir ini, pelbagai ideologi mula meracuni pemikiran anak muda sehingga ada di antara mereka yang mula mengamalkan budaya hedonisme yang melampau serta terpengaruh dengan idea-idea golongan liberal yang bertentangan dengan Islam. Natiyahnya, adaptasi pembangunan generasi Rabbani dapat membentuk jati diri umat Islam sejak kecil lagi.

## 2) Faham Perjuangan Rasulullah SAW

Belia perlulah menghayati perit perjuangan yang dibawa Rasulullah SAW kepada umatnya supaya mereka berada di atas jalan yang benar. Cabaran yang dihadapi oleh Baginda ketika berdakwah di Makkah selama hampir 13 tahun dan 10 tahun di Madinah menyedarkan generasi kini bahawa agama yang dianutti ini adalah suatu yang mahal dan penuh penderitaan telah dihadapi generasi awal untuk mengembangkannya. Rasulullah SAW sendiri mengalami luka dan berdarah dalam usaha Baginda menyebarkan Islam dek kerana penentangan oleh kaum musyrikin sendiri. Sebagai generasi yang mempunyai asas agama, belia perlulah menyiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran bagi mengembangkan dan menyebarluaskan ajaran Islam yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW. Sifat keprihatinan dan ambil berat akan masalah umat akan menuntut agar setiap individu itu menyiapkan diri mereka dengan ilmu dan kemahiran semasa sebagai usaha membantu masyarakat yang menghadapi masalah. Faham perjuangan Rasulullah akan melahirkan sifat bertanggungjawab untuk membantu dan menyedarkan masyarakat mengenai agama Islam.

## 3) Bergerak Atas Kesedaran Ilmu

“Darah muda” dan semangat yang berkobar-kobar merupakan jolokan kepada golongan belia yang begitu semangat dalam melakukan sesuatu perkara. Adakalanya, semangat ini didorong oleh bahan bacaan yang dirujuk, kagum dengan individu tertentu atau persekitaran yang mempengaruhi sehingga menghasilkan suatu tindakan. Menjadi suatu kewajaran untuk setiap individu khususnya golongan belia memahami bahawa bergerak atas faktor ilmu tidak sama dengan bergerak atas faktor semangat. Apabila suatu tindakan itu dimulai dengan pengetahuan atau ilmu yang ada, maka dari situ kesedaran akan muncul dan mula meresap ke dalam sanubari seterusnya malahirkan satu jiwa yang sedar penuh bersemangat untuk menangani dan berdepan dengan masalah. Namun jika ilmu tidak diletakkan sebagai faktor utama sebaliknya semangat, maka terkadang individu itu akan mudah melatah dengan isu-isu yang timbul tanpa usul periksa terlebih dahulu. Ada ketika perasaan putus asa atau lemah semangat akan muncul jika sesuatu masalah gagal diatasi dengan baik sehingga menyebabkan seseorang itu “futur”. Hal ini kerana semangat yang ada tanpa didorong dengan ilmu yang sebenar akan mudah melunturkan ses sebuah perjuangan. Oleh itu, perlu disedari atas sebab apa kita bergerak? Atas sebab ilmu atau sebab semangat semata. Kerana semangat dan sentimen yang membuta tuli bakal mematikan kita di jalan ini.

Sudah terang lagi bersuluh, dalam usaha membina generasi belia madani, pelbagai aspek perlu diberikan perhatian untuk memastikan usaha melahirkan generasi yang terbaik ini berjaya dan memberi manfaat ke arah kemajuan negara yang holistik. Setiap individu juga perlu memainkan peranan yang signifikan untuk sama-sama merealisasikan hasrat “Malaysia Madani” dapat dicapai dengan jayanya. Sikap individualistik seperti enau dalam belukar yang melepaskan pucuknya masing-masing haruslah dihindari agar usaha murni ini tidak terbantut.

# Remaja dan Aspek Psikososial

Oleh: Syed Mahadzir Syed Ibrahim



Ramai yang mengatakan bahawa masa remaja adalah masa yang paling indah kerana pada masa remaja banyak perubahan yang kita alami, mulai dari perubahan fizikal sehingga perubahan psikologi. Dan ini dipengaruhi oleh berbagai faktor, termasuk masyarakat. Segala macam aspek hubungan sosial dengan kawan, orang tua, ataupun guru boleh disebut dengan aspek psikososial.

Masa remaja yang kita alami ini merupakan suatu penggal dalam rentang kehidupan manusia, mahu atau tidak mahu pasti kita akan mengalaminya. Pada masa ini, berlangsung proses-proses perubahan secara biologi juga perubahan psikologi yang dipengaruhi oleh berbagai faktor, termasuk oleh masyarakat, teman sebaya, dan juga media massa. Kita yang berada pada masa remaja ini juga belajar meninggalkan sesuatu yang bersifat keanak-anakan dan pada waktu yang bersamaan kita mempelajari perubahan pola perilaku dan sikap baru orang dewasa.

Selain itu, kita yang remaja ini juga dihadapkan pada tuntutan yang kadang-kadang bertentangan, baik dari orang tua, guru, teman sebaya, maupun masyarakat di sekitar. Kita boleh saja menjadi bingung kerana masing-masing memberikan

tuntutan yang berbeza-beza bergantung pada nilai, norma, atau standard yang digunakan.

Intinya aspek psikososial boleh didefinisikan sebagai aspek yang ada hubungannya dengan kejiwaan kita dan sosial. Kejiwaan tentu saja berasal dari dalam diri kita, sedangkan aspek sosial berasal daripada luar (luaran). Kedua-dua aspek ini sangat berpengaruh kala masa pertumbuhan kita.

Kadang-kadang yang lebih berpengaruh justeru bukan aspek kejiwaan, melainkan aspek luaran. Misalnya, media massa membina imej remaja perempuan yang baik adalah yang berkulit putih, bertubuh langsing, dan berpayudara besar. Demi mengejar body image seperti itu, ramai yang termakan dan berusaha menjadi imej seperti yang dikatakan di media massa.

Sudah sampai ketikanya perubahan diri terjadi bukan dari luar, melainkan dari dalam diri kita sendiri kerana seharusnya aspek psikososial berlangsung secara seimbang. Pengaruh dari luar seharusnya mampu mengubah kita menjadi manusia yang lebih baik. Dengan kondisi ini, diharapkan interaksi aspek psikologi dan sosial boleh menjadi positif, yang pada akhirnya dapat berdampak positif pada pembentukan identiti diri kita.

# Idola Membawa Ke Neraka



Dr. Mohd Zahir Abdul Rahman  
Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Quran dan  
Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia

Gambaran pergaduhan, kutuk mengutuk sesama ahli neraka sememangnya dirakamkan Allah dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

قَالَ ادْخُلُوا فِي أُمَّمٍ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ مِنَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ فِي النَّارِ ۚ كُلُّمَا دَخَلَتْ أُمَّةٌ لَعْنَتْ أُخْتَهَا ۖ  
حَتَّىٰ إِذَا ادْأَرُكُوا فِيهَا جَمِيعًا قَالَتْ أُخْرَاهُمْ لِأُولَاهُمْ رَبَّنَا هَؤُلَاءِ أَضْلَلُونَا فَاتَّهُمْ عَذَابًا ضِعْفًا مِنَ النَّارِ ۚ قَالَ  
لِكُلِّ ضِعْفٍ وَلَكِنْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٨﴾ وَقَالَتْ أُولَاهُمْ لِأُخْرَاهُمْ فَمَا كَانَ لَكُمْ عَلَيْنَا مِنْ فَضْلٍ فَذُوقُوا  
الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْسِبُونَ ﴿٣٩﴾ وَقَالَتْ أُولَاهُمْ لِأُخْرَاهُمْ فَمَا كَانَ لَكُمْ عَلَيْنَا مِنْ فَضْلٍ فَذُوقُوا

“Masuklah kamu ke dalam neraka bersama-sama umat-umat yang terdahulu daripada kamu, dari jin dan manusia. Tiap-tiap satu umat yang masuk, mengutuk akan saudaranya (golongannya sendiri); hingga apabila mereka semua berhimpun di dalamnya, berkatalah golongan yang akhir mengenai golongan yang pertama di antara mereka: “Wahai Tuhan kami, mereka inilah yang telah menyesatkan kami; Oleh itu, berilah kepada mereka azab seksa yang berlipat ganda daripada (azab) neraka”. Allah berfirman: “Kamu masing-masing disediakan (azab seksa) yang berlipat ganda tetapi kamu tidak mengetahui (38) Dan berkatalah golongan pertama di antara mereka, kepada golongan yang akhir (pengikut-pengikutnya): “Tidak ada bagi kamu sebarang kelebihan atas kami” (39).

(Al-A'raf ayat 7:38-39)

إِذْ تَرَءَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا مِنَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا وَرَأُوا الْعَذَابَ وَتَقَطَّعَتْ بِهِمُ الْأَسْبَابُ ﴿١٦٦﴾ وَقَالَ الَّذِينَ

اتَّبَعُوا لَوْ أَنَّ لَنَا كَثْرَةً فَنَتَبَرَّأُ مِنْهُمْ كَمَا تَرَءُوا مِنَا ۚ كَذَلِكَ يُرِيهِمُ اللَّهُ أَعْمَلَهُمْ حَسَرَتِ عَلَيْهِمْ ۖ وَمَا هُمْ  
بِخَرِيجِنَ مِنَ النَّارِ ﴿١٦٧﴾

“Ketika orang-orang yang diikuti itu berlepas diri dari orang-orang yang mengikutinya, dan mereka melihat seksa, dan (ketika) segala hubungan antara mereka terputus sama sekali. Dan berkatalah orang-orang yang mengikut, “Seandainya kami dapat kembali (ke dunia), pasti kami akan berlepas diri daripada mereka, sebagaimana mereka berlepas diri daripada kami.” Demikianlah Allah memperlihatkan kepada mereka amal perbuatannya menjadi sesalan bagi mereka; dan sekali-kali mereka tidak akan keluar daripada api neraka”.

(Al-Baqarah 2:166-167)

Secara ringkasnya, keji mengeji sesama ahli neraka berlaku kerana ikutan atau menjadikan seseorang sebagai idola dalam mengamalkan sesuatu amalan atau perkara yang bertentangan dengan syarak. Menariknya, orang yang menjadikan amalan idola ini sebagai azimat akhirnya mengutuk idolanya sendiri pada hari kiamat kerana ajaran idolanya ini menjadi lesen mereka ke neraka. Walhal memohon agar Allah menambahkan azab kepada idola mereka ini dengan sebesar-besar azab.

Dialog lebih menarik apabila si idola ini menjawab kepada si pengikutnya dengan mengatakan “Tidak ada kelebihan kamu atas kami untuk meringankan azab kamu, atau nak melebihkan azab atas kami. Sebab kamu pun buat dosa juga. Kamu tidak kurang salahnya daripada kami. Sebab kamu ikutlah yang menyebabkan kami ni sangka kami benar dulu. Kamu sekarang pun sudah masuk neraka sama-sama dengan kami.”

Penulis beranggapan bahawa pemilihan idola ini bermula dari keluarga. Menurut Steve Bidulph dalam bukunya “Raising Boys” permulaan si kecil dalam memilih idola perlu melalui tiga tahap. **Peringkat pertama**, pada usia kelahiran sehingga 6 tahun, ibunya adalah idola dan model bagi si kecil ini. Peringkat ini membolehkan si ibu memberi sepenuh kasih sayang dan keselamatan pada si kecil. Seterusnya pada **peringkat kedua** iaitu ketika si kecil berusia 6 sehingga 14 tahun menjadikan si ayah sebagai idola yang mampu untuk bermain, belajar kemahiran bersama sehingga si kecil ini gembira sentiasa. Namun, **peringkat ketiga** ini adalah masalah bagi si kecil kerana fasa ini iaitu ketika usia 14 sehingga remaja mereka lebih memilih idola atau mentor (orang luar) selain ibu dan ayah. Sekiranya si anak ini memilih idola luar yang salah maka dikhuatiri akan menjerumuskan mereka ke dalam api neraka. Sebagai contoh, idola artis korea yang sangat diminati anak muda hari ini. Sekiranya boleh anak muda ingin mengikuti corak kehidupan dari A hingga Z daripada aspek pembedahan plastik, gaya hidup hedonisme, amalan minum arak, serta keagamaan yang jauh menyimpang dari agama Islam.

Justeru, si ibu dan si ayah menerusi dua fasa ini perlu memberi perhatian sepenuhnya pada si kecil anda. Kadang-kadang fasa inilah si ibu dan si ayah sibuk dalam bekerja sehingga aspek pemilihan idol terbaik ketika si anak berusia 14 tahun ke atas diabaikan. Ya! pendidikan agama perlu, tetapi adakah berbaloi dua peringkat ini apabila si kecil di hantar ke sekolah berasrama penuh sedangkan dua fasa ini berkait rapat dengan si kecil menjadikan idola mereka ini sebagai contoh? Seolah-olah si anak hilang kepercayaan pada idola ibu dan ayah apabila mereka diabaikan pada peringkat kelahiran sehingga 14 tahun lalu mencari idola yang tidak dianjurkan dalam agama Islam.

Jika anda adalah ibu dan ayah yang bertanggungjawab, didiklah anak sehingga andalah menjadi tempat utama buat mereka meluahkan segala masalah dan idea mereka walaupun mereka sudah berusia 14 tahun ke atas. Janganlah menjadikan mereka tercari-cari idola yang salah bahkan dikhuatiri memilih idola yang menyesatkan mereka sehingga membawa mereka ke neraka. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu”.

# KEMAHIRAN TERAS KECEMERLANGAN



Oleh: Syed Mahadzir Syed Ibrahim

Untuk berhadapan dengan cabaran yang semakin kompleks sekaligus membina sebuah tamadun baharu sebagai masyarakat pencipta, golongan belia harus menguasai ilmu dan kemahiran kerana negara kita kini memasuki zaman k-ekonomi di mana kunci kepada kecemerlangan itu adalah tenaga kerja yang mahir, berdaya cipta dan memiliki kemahiran kognitif tahap tinggi bagi menyokong kemahiran asas. Kalau dulu golongan belia yang memasuki universiti dianggap sudah berjaya tetapi kini mereka yang berkelulusan setakat ijazah pertama belum tentu mempunyai masa depan yang cerah, apatah lagi jika berkelulusan setakat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja.

Oleh itu, golongan belia perlu menghayati konsep pendidikan sepanjang hayat, manakala belia yang berkelulusan SPM perlu mengikuti kursus kemahiran supaya tidak ketinggalan dalam arus pembangunan. Kita tidak mahu Malaysia tergolong dalam golongan pengguna kerana kita mahu menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi iaitu mahu meletakkan negara di saf hadapan sebagai negara pencipta yang inovatif.

Untuk bersaing dalam zaman k-ekonomi, belia tidak mempunyai pilihan selain berusaha melalui pendekatan latihan formal mahupun tidak formal

untuk menguasai ilmu dan kemahiran dalam bidang berkaitan. Golongan belia juga harus memiliki kekuatan dan ketahanan diri bertunjangkan semangat patriotisme yang tinggi dan kekuhan jati diri.

Selain itu golongan belia juga perlu membuat persiapan untuk menghadapi cabaran yang semakin kompleks seperti fasih dalam pelbagai bahasa. Bagi membolehkan golongan belia bergerak daripada keadaan yang kurang baik kepada yang lebih baik, mereka perlu mempunyai wawasan seperti Nur Amalina Che Bakri yang mendapat 17 1A dalam SPM. Mereka perlu bangun dengan semangat baru berbekalkan iltizam bagi mencapai kecemerlangan. Mereka perlu mahir dalam apa jua bidang supaya mampu bersaing di peringkat global.

Selaras dengan tumpuan terhadap belia yang diberikan oleh kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kerajaan telah memberi keutamaan terhadap pembangunan manusia dalam merencanakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Golongan belia harus menjadi golongan yang berkualiti iaitu suatu keadaan yang cemerlang atau amat baik, tetapi kebaikan ini tidak terhad atau tetap pada sesuatu tahap. Ianya tidak statik. Ianya bergerak sepanjang masa.

Justeru itu, apabila kita mencapai kualiti yang kita kejar, kita mendapati ada lagi kualiti yang lebih baik yang harus kita kejar. Setelah kita mengejar dan mencapai kualiti yang baru yang menjadi matlamat kita, sekali lagi kita akan mendapati ada lagi kualiti yang lebih baik daripada itu yang perlu kita kejar. Dengan itu, usaha kita hendaklah berterusan dan tidak ada hadnya dan kita perlu mengejar kualiti sepanjang masa. Aspek utama yang perlu ada untuk membina kualiti ini ialah ilmu dan kemahiran. Hanya dengan ilmu dan kemahiran saja kualiti dapat dibina.

Dalam era ledakan informasi dan ilmu pengetahuan, kita boleh dengan mudah dan tanpa kita sedari menjadi tidak berkesan. Mereka yang complacent akan menjadi tidak relevan. Dalam hubungan ini, golongan belia tidak terkecuali daripada sindrom tersebut. Golongan belia harus mempunyai minda metropolitan yakni minda yang terbuka luas, yang

mampu memahami dan menangani perubahan serta sanggup berubah mengikut keadaan persekitaran.

Mereka yang berminda metropolitan sentiasa berusaha mencipta kemahiran dan selalu memikirkan langkah-langkah untuk memaju dan mempertingkatkan kecemerlangan masyarakat dan negara dan bukan untuk diri sendiri semata-mata.

Golongan belia hendaklah sentiasa mencintai ilmu pengetahuan dan kemahiran. Usaha penambahan ilmu pengetahuan dan kemahiran perlu dijadikan satu usaha berterusan. Misalnya, ilmu pengetahuan membolehkan kita menganalisis data dan maklumat ke arah usaha-usaha peningkatan kemahiran dan kualiti. Dengan kemahiran ini, mereka boleh menggubal dan memperakukan dasar, strategi, program dan projek yang praktikal yang tentunya dapat membantu kecemerlangan masyarakat dan negara.

Kita sudah 48 tahun merdeka, proses pembinaan negara-bangsa masih dibangunkan. Generasi muda hari ini adalah penerus tamadun negara kita. Dalam semua tamadun sebelum ini, kehancurannya bermula dengan keadaan politik yang tidak stabil, kurang kemahiran, lemah sahsiah, etika hidup dan keruntuhan akhlak serta moral.

Oleh itu, generasi belia harus menjadikan ini sebagai iktibar. Insafilah sejarah keruntuhan tamadun lalu, berkecainya tamadun Mesopotamia dan Sumeria di Sungai Tigris dan Euphrates misalnya. Kenangilah sejarah kejatuhan Melaka dan Empayar

Melayu terakhir kerajaan Johor-Riau-Lingga. Semoga generasi belia mampu muncul sebagai satu generasi pencipta dan membina sebuah tamadun baru sebagaimana yang dihasratkan oleh Islam Hadhari gagasan negara.

Golongan belia harus kembali kepada sejarah kegemilangan umat Islam yang bermula pada era pemerintahan Islam di Madinah dan berkembang pesat pada zaman Khulafa' al-Rasyidin, Bani Umayyah dan Bani Abasiyyah.

Kemudian ia bertapak di benua Eropah yang menyumbang kepada kegemilangan tamadun Islam

di Andalusia. Ketamadunan Islam yang berbentuk universal membawa manfaat dan rahmat kepada seluruh umat dan alam. Tamadun inilah yang perlu dicipta semula dan tidak mustahil akan dicapai sekiranya ilmu dan kemahiran digandingkan bersama secara mantap dan berterusan.

Generasi belia juga harus sedar bahawa ilmu bukan sekadar mendapat maklumat tetapi kemampuan untuk membudaya dan memanfaatkannya. Natijah daripada pembangunan dimensi keilmuan ini akan membawa kepada peningkatan intelektualisme, pemikiran kritis, pembangunan akhlak, kemantapan kemahiran dan budaya hidup yang akan menjadi cerminan untuk melahirkan generasi yang mampu membina tamadun khaira ummah.

Tentang kepentingan ilmu dalam pembinaan kualiti manusia Kung Fu Tze pernah berkata bahawa

*'human-heartedness is the highest virtue an individual can attain and this is the ultimate goal of knowledge and education. The education of an Individual is a preparation for a peacefully ordered society.'*

Tidak dapat dinafikan, persaingan dalam era teknologi maklumat dan pasaran global, menjadikan cabaran yang bakal kita hadapi menjadi lebih hebat. Hanya yang mahir dan terbaik akan terus kekal dan relevan pada masa kini dan akan datang. Individu atau generasi yang tidak berusaha untuk berubah dan cuba memperbaiki dan memantapkan kemahirannya selaras dengan peredaran zaman akan ketinggalan dan pupus. Banyak contoh yang sering kita baca dan dengar mengenai empayar-empayar yang besar dan tersohor sebelum ini, telah hilang dari ingatan kita kerana mereka tidak cuba untuk berubah dan memenuhi kehendak semasa.

Dalam usaha untuk terus kekal bersaing, cemerlang dan relevan pada setiap masa, perubahan tidak dapat dielakkan. Hari ini kita lihat bagaimana setiap

negara melakukan pelbagai usaha untuk berada di barisan hadapan dalam bidang kepakaran dan kekuatan masing-masing.

Sebagai persediaan menghadapi cabaran globalisasi, generasi belia terutamanya perlu mengetahui kedudukan terkini mereka berbanding dengan masyarakat negara lain. Mereka perlu menganalisis kedudukan mereka terutama dengan mengambil kira kekuatan dan kelemahan yang ada. Generasi belia juga perlu melakukan penanda aras (*benchmarking*) terhadap pencapaian mereka dengan belia di negara lain yang telah berjaya, dan bukan hanya membandingkan pencapaian mereka berdasarkan prestasi mereka yang lepas.

Sebagai sebuah negara yang sedang berkembang maju dan telah menetapkan sasarannya untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2023, kejayaannya sangat bergantung kepada generasi belia. Generasi belia perlu sentiasa bersedia untuk bersaing. Untuk sentiasa berada di hadapan dan berupaya menggarap kecemerlangan, generasi belia hendaklah mendapat kepercayaan yang sepenuhnya daripada pihak yang sentiasa berurus dengan mereka. Dalam soal ini, aspek kemahiran merupakan antara perkara yang perlu dimantapkan dalam setiap individu belia. Hanya dengan kemahiran saja mereka berupaya mencipta kecemerlangan yang sebenarnya.

Peter F. Drucker, seorang personaliti yang terkemuka dalam dunia perniagaan dan akademik berhubung aspek kecemerlangan, pernah menyatakan bahawa ‘tidak terdapat pertalian yang banyak antara keberkesanan seseorang dengan kecerdikannya, imaginasinya atau ilmu pengetahuannya. Seringkali orang yang pintar dan bergeliga didapati amat tidak berkesan; mereka tidak sedar bahawa kepintaran sahaja bukanlah suatu pencapaian. Ramai juga yang tidak sedar bahawa kepintaran hanya akan menjadi berkesan apabila diiringi dengan kemahiran, bekerja keras dan secara sistematik.’

Cabarannya pada masa kini adalah sangat hebat, dan ini tidak terkecuali berlaku kepada semua. Kebelakangan ini negara menghadapi masalah pengangguran yang tinggi di kalangan mereka yang mempunyai ijazah. Tanggungjawab untuk

mengatasi masalah ini tidak harus dibebankan kepada kerajaan sahaja. Golongan yang terlibat juga harus mencari jalan bagaimana dapat mengurangkan masalah ini sebelum ia menjadi lebih serius. Mereka hendaklah belajar bagaimana hendak menjadi orang yang mahir dalam salah satu bidang ilmu itu dengan lebih baik lagi. Ini bererti mereka perlu meningkatkan kemahiran mereka.

Selain mempunyai pengetahuan teknikal ataupun *hard skills* yang mantap dalam bidang masing-masing seperti sains, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), ekonomi, perniagaan, sumber manusia, dan sebagainya, para graduan perlu memiliki kemahiran berbahasa Inggeris yang baik, kemahiran berkomunikasi, kebolehan menyelesaikan masalah, kemahiran memimpin, kemahiran bekerja secara kumpulan, bersikap positif terhadap kerja, serta memahami persekitaran dan budaya kerja tempatan.

Di samping itu, sering kali juga kita mendengar dakwaan yang mengatakan bahawa graduan IPTA tempatan kurang berdaya saing berbanding IPT dari luar negara. Walaupun belum ada satu kajian yang menyeluruh bagi mengesahkan persepsi tersebut, namun ianya merupakan satu cabaran yang perlu difikirkan oleh mereka yang terlibat.

Aspek kemahiran perlu dijadikan asas perubahan agar tugas tersebut tidak terus bersipongang. Mantapkan diri dengan apa juga bidang kemahiran kerana hanya dengan kemahiran saja yang mampu meletakkan seseorang itu di hadapan berbanding orang lain yang hanya mempunyai segulung kertas yang dipanggil ijazah. Secara tidak langsung, kemahiran tersebut adalah markah tambahan yang meletakkan kita di tempat yang pertama dalam persaingan.

Sebagai rumusan, frasa kemahiran teras kecemerlangan merupakan gabungan aksara yang jitu, yang harus dijadikan pegangan hidup setiap individu belia di negara kita. Manusia yang mahir umpsama sebutir benih yang akan tumbuh subur di mana saja ia diletakkan kendati di atas tanah yang gersang sekali pun.

Manakala benih yang baik dan ditanam pula di atas tanah yang subur akan menghasilkan pokok yang sihat, dahan yang tegap dan dedaun yang lebat. Itulah perumpamaan kepada manusia yang kaya dengan kemahiran.



# BULLY

## BAGAIMANA PENYELESAIANNYA

*Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*


### MUKADIMAH

Isu buli timbul lagi di dada-dada akhbar. Yang terbaru, sebagaimana yang dilaporkan oleh sebuah akhbar tempatan melibatkan seorang pelajar sekolah menengah berusia 14 tahun yang dilaporkan dibuli dan dipukul bertubi-tubi termasuk menggunakan kasut sehingga menyebabkan mangsa menerima lapan jahitan di bibir.

Sekalipun isu buli ini bukanlah isu yang baharu bahkan telah mendapat perhatian ramai pihak, namun ketika ia berulang kembali maka ini adalah suatu yang amat mendukacitakan. Justeru, Bayan Linnas dalam usaha memberi keterangan umum buat manusia tampil mengulas isu ini menurut perspektif agama serta menyatakan beberapa penyelesaian supaya kes ini dapat dikurangkan bahkan dielakkan dari terus berulang.

### SEJARAH BULI DI MALAYSIA

Kes buli di negara kita bukanlah suatu yang asing. Ia berlaku melibatkan pelajar sekolah menengah tidak kira sekolah



berasrama atau sekolah harian, demikian juga turut melibatkan pelajar sekolah rendah, baik lelaki ataupun perempuan. Kesan daripada kes-kes buli ini menyebabkan mangsa-mangsa yang terlibat mendapat kecederaan sama ada bersifat kekal atau sementara. Bahkan lebih malang lagi, ada yang menyebabkan kematian.

Tahun lepas kita dikejutkan dengan kematian seorang pelajar kolej di pantai timur. Laporan menyebut bahawa mangsa meninggal dunia akibat salur darah pada leher sebelah kanan pecah dan terkoyak menyebabkan pendarahan menyeluruh pada otak akibat sepakan bertubi-tubi.

Demikian di utara tanah air pada tahun lepas, seorang pelajar berusia 13 tahun dibuli dan dipukul oleh lima orang pelajar lain. Kesannya menyebabkan mangsa tersebut menghadapi pendarahan usus dan buah pinggang.

Pada tahun 2014 pula sebuah video yang memaparkan seorang pelajar berumur 10 tahun dibuli dan dipukul oleh beberapa pelajar sekolah menengah telah menjadi viral di media sosial. Lebih menyedihkan apabila kes buli seumpama ini berlaku di sebuah asrama anak yatim.

### KESAN-KESAN BULI

Perbuatan membuli memang tidak dinafikan akan meninggalkan kesan kepada mangsa yang menghadapinya. Kesan yang terhasil sama ada bersifat kekal atau sementara. Begitu juga kesan terhadap fizikal dan mental mangsa buli. Berikut dikongsikan beberapa kesan-kesan buli terhadap mangsa:

#### 1- Trauma

Inilah kesan buruk dari sudut emosi bagi mangsa-mangsa yang dibuli. Bahkan dilaporkan beberapa kes yang menceritakan mangsa buli rasa takut untuk kembali ke sekolah. Bahkan terdapat sebuah kes di Kelantan, seorang mangsa buli di salah sebuah sekolah berasa trauma ekoran diugut oleh pelajar-pelajar yang membulinya agar merahsiakan kejadian tersebut.

#### 2- Kesan fizikal

Kesan-kesan fizikal ini melibatkan kecederaan kepada anggota tubuh mangsa buli. Terdapat kesan yang bersifat kekal dan ada juga yang bersifat sementara. Seorang mangsa buli di Kedah mengalami pendarahan usus dan buah pinggang disebabkan dipukul bertubi-tubi oleh sekumpulan pelajar senior di sekolahnya. Yang terbaru, seorang pelajar tingkatan dua dilaporkan menerima lapan jahitan di bibir akibat dibelasah



dengan menggunakan kasut secara beramai-ramai. Pihak doktor pula menyatakan bahawa mangsa berisiko mengalami kecacatan kekal.

## PERSPEKTIF ISLAM TERHADAP BULI

Perkara penting yang perlu kita semua fahami, Islam adalah satu agama yang benar-benar menjaga dan memelihara *karamah insaniah* (kemuliaan insan). Sebab itu kita dapatiti bahawa di dalam Islam terdapatnya hukuman *qisas* yang mana antara takrifannya adalah: Hukuman yang ditentukan kadarnya dari sudut syarak sebagai hak kepada anak Adam. Dalam menjelaskan hal ini, Allah SWT berfirman:

وَلَقَدْ كَرِمْنَا بْنَيْ إِادَمَ

Maksudnya: *Dan demi sesungguhnya Kami telah muliakan anak Adam.*

(Surah al-Isra: 70)

Ketika menafsirkan ayat ini, al-Hafiz Ibn Kathir *rahimahullah* berkata: Allah SWT mengkhabarkan bahawa Dia memuliakan anak Adam dengan cara Dia menciptakan mereka dengan sebaik-baik kejadian. **Rujuk Tafsir al-Quran al-Azhim (5/97).**

Manakala larangan dan balasan buat mereka yang memukul orang lain adalah tersangat banyak seperti yang disebutkan di dalam al-Quran dan hadis-hadis. Firman Allah SWT:

وَوُضِعَ الْكِتَبُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَوْمَئِنَا مَا لِهَذَا  
الْكِتَبِ لَا يُغَايِرُ صَغِيرَةً وَلَا كِبِيرَةً إِلَّا أَخْصَسْهَا وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا وَلَا يَظْلِمُ  
رِبُّكَ أَحَدًا

Maksudnya: *Dan diletakkan kitab (buku amalan), maka kau dapat melihat golongan yang melakukan dosa-dosa berasa takut terhadap apa yang terdapat di dalamnya. Dan mereka berkata: "Alangkah celakanya kami ini, kitab apakah ini yang tidak terlepas dosa kecil dan dosa besar melainkan kesemuanya tercatat!", mereka mendapatkan apa yang telah mereka kerjakan sebelum ini dan Tuhan kamu tidak pernah menzalimi seseorang pun.*

(Surah al-Kahfi: 49)

Di dalam sebuah hadis sahih daripada Abu Hurairah RA beliau meriwayatkan dari Nabi SAW Baginda bersabda:

إِنَّ الْمُفْلِسَ مِنْ أُمَّتِي يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِصَلَاةٍ وَصَيَامٍ وَزَكَاةً وَيَأْتِي قَدْ شَتَمَ هَذَا  
وَقَدَفَ هَذَا وَأَكَلَ مَالَ هَذَا وَسَفَكَ دَمَ هَذَا وَضَرَبَ هَذَا فَيُعْطَى هَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ  
وَهَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ فَإِنْ فَنِيَتْ حَسَنَاتُهُ قَبْلَ أَنْ يَقْضَى مَا عَلَيْهِ أَخْذَ مِنْ خَطَايَاهُمْ  
فَطُرِحَتْ عَلَيْهِ ثُمَّ طُرَحَ فِي النَّارِ

Maksudnya: Sesungguhnya orang muflis dari kalangan umatku adalah sesiapa yang datang pada hari kiamat dengan solat, puasa, dan zakat. Dia juga datang dalam keadaan pernah mencela orang ini, menuduh orang ini, memakan harta orang ini, **menumpahkan darah orang ini, memukul orang ini**. Maka diberikan kepada orang-orang tersebut kebaikan-kebaikan dirinya. Sekiranya kebaikannya sudah habis dalam keadaan perhitungan ke atasnya belum lagi habis, maka diambil kejahatan-kejahatan mereka itu tadi lalu dicampakkan kepadanya dan kemudian dia dicampak ke dalam neraka.

(Riwayat Muslim: 2581)

Kata al-Imam al-Nawawi *rahimahullah* ketika mensyarahkan hadis ini: Sangat benarlah Nabi SAW. Kerana sesungguhnya inilah sebenar-benar muflis. Adapun seorang yang muflis di dunia, maka sesungguhnya dunia itu datang dan pergi. Boleh jadi seseorang itu asalnya fakir, lalu dia berubah menjadi kaya ataupun sebaliknya. Akan tetapi, sebenar-benar muflis itu adalah ketika seorang itu muflis atas segala kebaikan yang dia telah berpenat lelah dalam mengerjakannya. Di hadapannya hari kiamat yang amalan kebaikannya akan menjadi saksi. Kemudian kebaikan tersebut diambil oleh si fulan dan si fulan. Pada hadis ini menunjukkan ancaman terhadap perbuatan melakukan kejahatan ke atas makhluk. Rujuk *Riyadh al-Solihin*, *Al-Nawawi* (1/251).

### KENYATAAN MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

Kami nyatakan bahawa sesuatu perkara itu apabila ia bertentangan dengan agama dan nilai kemanusiaan, maka ia adalah tertolak dan tidak boleh diterima sama sekali.

Allah SWT mengajar kita untuk menjadi seorang hamba yang taat kepada perintah-Nya, saling menghormati sesama manusia, berkasih sayang antara satu sama lain, serta menjaga hak-hak *karamah insaniah*. Ingatlah, apabila kita membuli orang lain boleh jadi kita juga bakal dibuli oleh orang lain dalam hari-hari yang mendatang. Boleh jadi anak-anak kita juga akan menjadi mangsa buli pada masa hadapan kelak.

Hendaklah setiap mereka yang terlibat dengan perbuatan buli ini merasa insaf, bahawa setiap tindakan dan amalan kita di atas bumi ini akan dinilai oleh Allah SWT. Dari sekecil-kecil perbuatan sehingga besar-besar perkara kesemuanya itu tidak terlepas dari catatan dan hitungan malaikat. Tambahan pula perbuatan menzalimi manusia yang lain tanpa hak. Firman Allah SWT:

وَوُضِعَ الْكِتَبُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَوْمَئِنَا مَا لِهَنَّا  
الْكِتَبُ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَيْرَةً إِلَّا أَخْصَسْهَا وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا وَلَا يَظْلِمُ  
رَبُّكَ أَحَدًا

Maksudnya: Dan diletakkan kitab (buku amalan), maka kau dapat melihat golongan yang melakukan dosa-dosa berasa takut terhadap apa yang terdapat di dalamnya. Dan mereka berkata: "Alangkah celakanya kami ini, kitab apakah ini yang **tidak terlepas dosa kecil dan dosa besar melainkan kesemuanya tercatat!**", mereka mendapati apa yang telah mereka kerjakan sebelum ini dan Tuhan kamu tidak pernah menzalimi seseorang pun.

(Surah al-Kahfi: 49)

Dalam surah yang lain Allah SWT berfirman:

اللَّيْوَمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشَهَّدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya: *Pada hari ini kami kunci mati ke atas mulut-mulut mereka, dan Kami jadikan tangan-tangan mereka berbicara, dan kaki-kaki mereka menjadi saksi terhadap apa yang telah mereka kerjakan dahulu.*

(Surah Yaasin: 65)

Ketika mana kita menyedari hakikat ini, bahawa segala amalan kita akan dihitung dan dipertanggungjawabkan, maka sudah tentulah kita akan merasa insaf. Disuburkan pula dengan rasa hormat serta kasih sayang sesama manusia yang lain. Ingatlah bahawa kita semua akan kembali menemui Tuhan kita. Sekiranya baik segala amalan kita di dunia ini maka kita pasti akan mendapat kebaikan di akhirat sana. Sebaliknya, jika amal-amal buruk sahaja yang kita bawa sepanjang perjalanan di dunia ini, buruk jugalah balasan yang bakal kita terima.

Akhir kalam, sebagai seruan kepada diri sendiri, keluarga, sahabat handai, dan masyarakat, marilah kita sama-sama membulatkan tekad agar dapat kita hidup dalam keadaan tolong-menolong, saling berkasih sayang, serta hormat-menghormati antara sesama manusia. Jauhilah perbuatan buli-membuli dan mainkanlah peranan masing-masing sebagai ibubapa, guru-guru, tokoh-tokoh masyarakat dalam membasminya. Semoga Allah SWT merahmati kita semua serta menjadikan segala perbuatan dan tingkah laku kita ini bakal menjadi saham amal soleh buat kita di akhirat kelak. Ameen.



# ISLAMNYA NAPOLEON BONAPARTE

**S**IAPA yang tidak pernah membaca sejarah Napoleon Bonaparte, seorang Jeneral dan Maharaja Perancis yang hebat. Beliau dilahirkan di Ajaccio, Corsica pada tahun 1769. Namanya terdapat dalam urutan ke-34 dalam buku *Seratus Tokoh Yang Paling Berpengaruh Dalam Sejarah* yang ditulis oleh Michael H. Hart.

Sebagai seorang yang berkuasa dan berdaulat penuh terhadap negara Perancis sejak Ogos 1793, seharusnya beliau merasa puas dengan segala apa yang telah diperolehnya itu. Tetapi rupa-rupanya kemegahan dunia belum boleh memuaskan batinnya, agama yang dianutnya waktu itu ternyata tidak boleh membuatkan Napoleon Bonaparte merasa tenang dan damai. Akhirnya pada tanggal 2 Julai 1798, 23 tahun sebelum kematiannya pada tahun 1821, Napoleon Bonaparte menyatakan keislamannya di hadapan dunia antarabangsa.


Apakah yang membuatkan Napoleon Bonaparte lebih memilih Islam daripada agama lamanya, Kristian?

Berikut adalah pengakuan beliau sendiri yang pernah dimuatkan dalam majalah *Genuine Islam*, edisi Oktober 1936 terbitan Singapura.

Oleh: Syed Mahadzir Syed Ibrahim

*'I read the Bible; Moses was an able man, the Jews are villains, cowardly and cruel. Is there anything more horrible than the story of Lot and his daughters? The science which proves to us that the earth is not the centre of the celestial movements has struck a great blow at religion. Joshua stops the sun ! One shall see the stars falling into the sea... I say that of all the suns and planets...'*

(Saya membaca Bible; Musa adalah orang yang cakap, sedang orang Yahudi adalah bangsat, pengecut dan jahat. Adakah sesuatu yang lebih dahsyat daripada kisah Lut beserta kedua puterinya? Sains telah menunjukkan bukti kepada kita, bahawa bumi bukanlah pusat tata surya, dan ini merupakan pukulan hebat terhadap agama Kristian. Yosua menghentikan matahari (Yosua 10: 12-13). Orang akan melihat bintang-bintang berjatuhan ke dalam laut.... saya katakan, semua matahari dan planet-planet....)



Selanjutnya Napoleon Bonaparte berkata: '*Religions are always based on miracles, on such things than nobody listens to like Trinity. Jesus called himself the son of God and he was a descendant of David. I prefer the religion of Muhammad. It has less ridiculous things than ours; the turks also call us idolaters.*'

(Agama-agama itu selalu didasarkan pada hal-hal yang ajaib, seperti halnya Trinitas yang sukar difahami. Yesus memanggil dirinya sebagai anak Tuhan, padahal dia keturunan Daud. Saya lebih meyakini agama yang dibawa oleh Muhammad. Islam terhindar jauh dari kelucuan-kelucuan ritual seperti yang terdapat di dalam agama kita (Kristian); Bangsa Turki juga menyebut kita sebagai orang-orang penyembah berhala dan dewa.)

Selanjutnya: '*Surely, I have told you on different occasions and I have intimated to you by various discourses that I am a Unitarian Musselman and I glorify the Prophet Muhammad and that I love the Musselmans.*'

Dengan penuh kepastian saya telah mengatakan kepada anda semua pada kesempatan yang berbeza, dan saya harus memperjelaskan lagi kepada anda di setiap ceramah, bahawa saya adalah seorang Muslim, dan saya memuliakan Nabi Muhammad serta mencintai orang-orang Islam.)

Akhirnya beliau berkata: '*In the name of God the Merciful, the Compassionate. There is no god but God, He has no son and He reigns without a partner.*'

(Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Tiada Tuhan selain Allah. Ia tidak beranak dan Ia mengatur segala makhluk-Nya tanpa pendamping.)

Napoleon Bonaparte mengagumi Al-Quran setelah membandingkan dengan kitab sucinya, Al-Kitab. Akhirnya beliau mencari keunggulan-keunggulan Al-Quran daripada Al-Kitab, juga semua cerita yang melatarbelakanginya.

Berikut adalah laporan yang dipetik dari kolumn antarabangsa tentang Napoleon Bonaparte:

### **NAPOLEON BONAPARTE EMBRACED ISLAM?**

*England's foe for many years has been France. The legacy remains as seen in the Capital of England, London, where monuments dedicated to defeats over France, are evident. The defeats have been most significant against that of when France was being ruled by Napoleon Bonaparte. (Nelson's Column, Trafelgar Square, Waterloo Station to name but a few.)*

*Yet, history is seldom seen in the truthful light, and is nearly always partial to the 'winning side' - in whose hand the pen remains, long after both the battle and the war have been won. Yet, recent discoveries have seemed to suggest some interesting facts about Napoleon and his religious beliefs.*

*In the book, 'Satanic Voices - Ancient and Modern' by David M. Pidcock, (1992 ISBN: 1-81012-03-1), it states on page 61, that the then official French Newspaper, Le Moniteur, carried the accounts of his conversion to Islam, in 1798 C.E.*

*It mentions his new Muslim name, which was 'Aly (Ali) Napoleon Bonaparte'. He commends the conversion of his General Jacques Menou, who became known as General 'Abdullah-Jacques Menou', who later married an Egyptian, Sitti Zoubeida - who was descended from the line of the Prophet Muhammad (on whom be peace).*

*Napoleon did recognise the superiority of the Islamic (Shari'ah) Law - and did attempt to implement this in his Empire. Most of this, as one can imagine, has been removed/replaced by modern-day secular laws in France and other parts of Europe, but some aspects of the Islamic (Shariah) Law do currently exist in French constitution as the basis for some of their laws from the Code Napoleone. One publicised case was that of the fatal car accident with Diana, Princess of Wales, and Dodi Al-Fayed. 'The photographers were charged with an old part of the French Jurisprudence, for 'not helping at the scene of an accident'- which is taken from the Shari'ah Law of Imam Malik.' (David M. Pidcock, 1998 C.E.)*

## BONAPARTE AND ISLAM

Bonaparte's secretary describes the religious practices, attitudes, and views of Bonaparte with regard to Islam. Accepting that the general curried favor with Muslims, he also hoped to deflect criticism of Bonaparte, claiming that what he did was good governance rather than bad Christianity, as his critics maintained.

*It has been alleged that Bonaparte, when in Egypt, took part in the religious ceremonies and worship of the Mussulmans; but it cannot be said that he celebrated the festivals of the overflowing of the Nile and the anniversary of the Prophet. The Turks invited him to these merely as a spectator; and the presence of their new master was gratifying to the people.*

*But he never committed the folly of ordering any solemnity. He neither learned nor repeated any prayer of the Quran, as many persons have asserted; neither did he advocate fatalism polygamy, or any other doctrine of the Quran. Bonaparte employed himself better than in discussing with the Imams the theology of the children of Ismael.*

*The ceremonies, at which policy induced him to be present, were to him, and to all who accompanied him, mere matters of curiosity. He never set foot in a mosque; and only on one occasion, which I shall hereafter mention, dressed himself in the Mahometan costume. He attended the festivals to which the green turbans invited him. His religious tolerance was the natural consequence of his philosophic spirit.*

*Doubtless Bonaparte did, as he was bound to do, show respect for the religion of the country; and he found it necessary to act more like a Mussulman than a Catholic. A wise conqueror supports his triumphs by protecting and even elevating the religion of the conquered people.*

*Bonaparte's principle was, as he himself has often told me, to look upon religions as the work of men, but to respect them everywhere as a powerful engine of government. However, I will not go so far as to say that he would not have changed his religion*

*had the conquest of the East been the price of that change.*

*All that he said about Mahomet, Islamism, and the Quran to the great men of the country he laughed at himself. He enjoyed the gratification of having all his fine sayings on the subject of religion translated into Arabic poetry, and repeated from mouth to mouth. This of course tended to conciliate the people.*

*I confess that Bonaparte frequently conversed with the chiefs of the Mussulman religion on the subject of his conversion; but only for the sake of amusement. The priests of the Quran, who would probably have been delighted to convert us, offered us the most ample concessions.*

*But these conversations were merely started by way of entertainment, and never could have warranted a supposition of their leading to any serious result. If Bonaparte spoke as a Mussulman, it was merely in his character of a military and political chief in a Mussulman country.*

*To do so was essential to his success, to the safety of his army, and, consequently, to his glory. In every country he would have drawn up proclamations and delivered addresses on the same principle. In India he would have been for Ali, at Thibet for the Dalai-lama, and in China for Confucius.*

## JERUSALEM AND NAPOLEON BONAPARTE

*As Napoleon consolidated his foot in Egypt, he began mulling the idea of taking over Palestine and Syria. Accordingly, he left Egypt in the spring of 1799, crossing the desert, thus entering Palestine proper. But before clashing with the Ottoman soldiers and the Palestinian citizens, Napoleon, who declared himself as a Muslim, donning a turban over his head, circulated a leaflet, stating in particular the following excerpt.*

*'In the name of Allah, Most Gracious, Most Merciful  
From Bonaparte, the Amir (Prince) of the French armies, to the all and clerics, muftis and the populations of Gaza, Ramla and Jafa, may Allah*

protect them. After Assalam (Greetings)— This is written to let you know that we came here for the purpose of evicting the Mamluks and the Askar (soldiers) of Al Jazzar [Ahmad Pasha, the Governor of the Palestinian Fort of Acre], and ending his incursions in Jafa and Gaza, which are not under his rule? For what reason he sent his soldier to El Afresh Fort? In doing so he was encroaching upon Egypt. Thus, his aim is to have war with us, and so we came here to fight him'.

And after Napoleon had reassured the Palestinians on the matters of security for themselves and their families, he went on to say: 'Our aim is that the Judges don't relinquish their jobs, whereas Islam is still cherished and well-considered, and the mosques full of prayers and believers. He who demonstrates with affability toward us will succeed, but who betrays us would perish'.

The Palestine's Expeditionary Force of 13,000-strong was under the command of Bonaparte himself, assisted by five generals, including Kleber, Murat and Dugua.

As Jazzar learned of the approaching French force, he began counter military preparations by the fortification of Jafa, and sending enforcements to Gaza. His forces arrived at the Egyptian town of El Areesh, but the French occupied the latter after 8-day-siege on February 16, 1799.

Thereafter, the French proceeded toward the Palestinian Khan Younis and proceeding later to Gaza. On February 25, the forces of Bonaparte and Al Jazzar engaged in a battle, which was ended by defeating the latter.

On February 28, Bonaparte left Gaza for the conquest of Palestine, taking over the Ramla first, then Jafa (March 6, 1799). The latter was defended by a 12,000-strong mixed force of Al Jazzar and the Mamluks. But Napoleon bombarded the city by his heavy artillery, occupying it and killing at least 3,000 captives without burying them, claiming that they were dishonest and not respectful to the military honor! Thus, their exposed bodies became coveted meals for the vultures.

The people of the land thought that Bonaparte would move towards Jerusalem, which the Turks incarcerated all the followers of the Orthodox Church in the Church of Sepulcher. But he did not show up. When asked if he intended to pass through it, Bonaparte retorted sternly: No. Jerusalem is not on my itinerary. And I don't intend to arouse frictions with the mountains' people, and to penetrate deeply and get stuck. Moreover, I don't want to be vulnerable to attacks by numerous horse riders from the other side. I am careful not to face Casius' fate. As a matter of fact, Bonaparte used to pay attention to the military spots only, and he didn't view Jerusalem as a significant military site at the time.

According to one story, Bonaparte wrote to the residents of Jerusalem, asking them to succumb to his authority, but they retorted that they are affiliated with Acre, and who manages to take over the latter, he simultaneously controls Jerusalem. Consequently, Bonaparte moved to besiege Acre, the capital of Palestine at the time.

According to the Palestinian historian Ahmad Sameh Khalidi wrote in his book Ahl El Elm Bein Misr Wa Phalasteen, 1947, that Musa Khalidi, a military judge based in the Asetana (Constantinople), wrote to the Jerusalemites, urging them to fight against Napoleon, and they clashed with his troops in many places of Palestine, from Nablus region in particular.

Bonaparte moved his troops to Haifa, occupying it and arriving to Acre on March 19, 1799. He besieged the city, which Al Jazzar had already entrenched behind its walls. The siege remained 60 days, but Bonaparte failed to capture the city, falling back from it after his troops were ravaged by plague, which killed many of them, including some generals.

Moreover, certain developments in France compelled Bonaparte to go home, leaving behind him the botched military expedition of Palestine. Some 3,500 French soldiers lost their lives in the vicinity of Acre's walls, as 1,000 more vanished in their way out of the country. He arrived Egypt, on his way home, on May 1799.

*Bonaparte was a military genius, but he lost a lot of his prestige during his two-month adventure in Palestine.*

*Napoleon I (1769-1821 [1237 A.H.]), who went into history as a military genius and statesman, when he entered Egypt in 1212 [C.E. 1798], admired Islam's greatness and genuineness, and even considered whether he should become a Muslim. The following excerpt was paraphrased from Cherfils's book (Bonapart et Islam):*

*Napoleon said: The existence and unity of Allah SWT, which Musa AS, had announced to his own people and Isa AS to his own ummat, was announced by Muhammad 'alaihis-salam' to the entire world. Arabia had become totally a country of idolaters. Six centuries after Isa AS, Muhammad s.a.w initiated the Arabs into an awareness of Allahu SWT, whose existence prophets previous to him, such as Ibrahim (Abraham), Ismail, Musa (Moses) and Isa (Jesus) AS, had announced. Peace in the east had been disturbed by the Arians, [i.e. Christians who followed Arius], who had somehow developed a degree of friendship with the Arabs, and by heretics, who had defiled the true religion*

*of Isa 'alaihis-salam' and were striving to spread in the name of religion a totally unintelligible credo which is based on trinity, i.e. God, Son of God, and the Holy Ghost. Muhammad s.a.w guided the Arabs to the right way, taught them that Allah SWT is one, that He does not have a father or a son, and that worshiping several gods is an absurd custom which is the continuation of idolatry.'*

At another place in his book he quotes Napoleon as having said, 'I hope that in the near future I will have the chance to gather together the wise and cultured people of the world and establish a government that I will operate (in accordance with the principles written in Quran al-karim.)'

Rujukan:

1. Memoirs of Napoleon Bonaparte by Louis Antoine Fauvelet de Bourrienne edited by R.W. Phipps. Vol. 1 (New York: Charles Scribner's Sons, 1889) p. 168-169.
2. <http://chnm.gmu.edu/revolution/d/612/>
3. [http://www.jerusalemites.org/history\\_of\\_palestine/18.htm](http://www.jerusalemites.org/history_of_palestine/18.htm)



# 'BREAK' NAFSU



Siti Sabila binti Che Pa

Penulis Buku

"Virus Cinta Utusan Ilahi"

"Ibu, tak tahan dah ni, lapar sangat, rasa nak muntah pun ada," lirih suara Ahmad yang sedang berbaring di sofa empuk. Mendengarkan suara bisikan itu, kerja Puan Salmi terbantut mahu menyudahkan lipatan terakhir kain yang baru sahaja diangkut daripada ampaian. Dia terus mendapatkan anak bongsu yang sedang di tingkatan tiga yang sedang memegang perut.

Ahmad seorang anak yang baik, selama seminggu berpuasa, dia sangat senang menjalani ibadah puasa, rajin pula buat ibadah lain seperti solat tarawih dan membaca al-Quran. Alih-alih, puasa pada hari ke enam ini lain macam pula ulahnya.

"Awak dah kenapa Ahmad, elok saja puasa sebelum ni."

"Entah lah mama, lapar sangat, tak tahan rasa."

"Sahur kan tadi?" sengaja bertanya, jawapannya dia sudah maklum, bahkan mereka makan bersama sekeluarga waktu sahur.

"Sahur ma, boleh saya nak berbuka?"

"Eh, kamu ni, bukan budak umur enam atau tujuh tahun, 15 tahun kut. Sabar ya!"

Ahmad hanya diam, tidak mengiakan atau menidakkannya.

"Kamu nak tahu tak, pentingnya sabar dalam kehidupan sehari-hari. Baru tadi mama dengar perkongsian Ustazah Muzaiyyah tentang sabar ni. Dalam surah Al-Insyirah, ayat 5-6: "Kerana sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan. Sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan."

"Dua kali tau Allah ulang. Jadi, sabar sangat diperlukan ketika kita dalam kesulitan. Kita harus belajar kendalikan diri, menjaga hati dan fikiran agar tidak mudah terpancing oleh emosi negatif, marah, kecewa atau putus asa. Kita juga harus percaya disebalik kesulitan tu ada kemudahan yang akan datang."

"Puasa kan pusat latihan buat kita, puasa umpama 'break' pada nafsu kita. So, boleh tahan tak ni?"

"Saya cuba ma," Ahmad pejamkan matanya, seolah menikmati rasa lapar yang sedang dirasakan. 'Risau dibuatnya', mengomel seketul hati seorang ibu yang penuh prihatin itu sambil melirik anak bujangnya, 'atau.... Sakitkah dia?

Menjelang masuk waktu asar, puan Salmi mula mahu menyediakan juadah berbuka puasa. Dia teruja mahu memasakkan menu sihat pada hari ini, dengan berbunga gembiranya hati, dia melangkah girang ke ruang dapur. Dia membuka peti ais sempat merewang fikirannya, 'Sup ketam ni bagi si Ahmad tu sihat sikit bersama tempe bilis tiga rasa, fuhh! Menyengat sangat. Ahmad... dah bangun ke dia?'

"Ma, mama!" laungan Fikri, adik Ahmad memeranjatkan Puan Salmi. Tangan yang membelek bahan basah dalam peti ais terkaku beberapa detik. Lantas dia berpaling.

“Kenapa dengan Ahmad?”  
 “Dia muntah! Cepat ma.”  
 “Allah...” Puan Salmi kalut menjelak anak tangga ke ruang atas mendapatkan anak sulungnya. Sempat dia mencapai tuala dan basahkan serta secawan air putih. Sedikit kesalan bercambah dari dalam hati, ‘Kenapa aku boleh tak perasan ‘tanda’ pada dia tadi?’

“Ahmad okay?” Puan Salmi mengalih tugas Fikri melurut dada. Tiada sisa muntah yang banyak, Cuma muntah angin bersama sedikit liur. Ahmad masih lagi muntah-muntah mengeluarkan angin.

“Bagi abang berbuka ma, kesian.” Fikri memandang belas kepada abangnya. Dia terkejut tadinya sedang kusyuk membaca komik, mendengar suara Ahmad muntah secara tiba-tiba.

“Ahmad minum air ni ya.” Puan Salmi menyuarakan setelah muntahnya reda. Dia menyapu sisanya air liur yang meleleh di mulut Ahmad. Ahmad membetulkan duduknya. Puan Salmi membantu menyandarkan belakang rapat ke kepala katil. Dia kelihatan selesa dan mula bertenang.

“Air?” puan Salmi menyua sekali lagi. Kali ini Ahmad menolak dengan tangan yang masih lemah.

“Takpe ma, abang sedang ‘break’” Ahmad melirik senyum. Cuba meyakinkan dua orang kesayangan di hadapannya. Kesulitan yang dialaminya hanya sementara sebelum waktu berbuka. Dia ingat dan cuba praktikkan ‘bebelan’ mamanya zuhur sebentar tadi.

“Tiga jam lagi bang, tahan ke? Er... *break* apa bang?”

“Tak rasa nak mati lagi lah. Abang okay. Boleh bertahan. *Break* apa, tanya mama.”

“Betul ni?” “Betul ma.”

“Ma, abang *break* apa?”

“Abang sedang praktis sabar, abang dah beritahu mama tadi, tak tahan lapar katanya, mama tazkirah sikit kat abang ni supaya sabar sikit, tak tahu akan sampai muntah-muntah macam ni.”

Puan Salmi mengenggam erat kedua tangan anak sulungnya itu. Saat mata bertentangan, dia yakin dengan sinar anak mata Ahmad. Puasa ini menjadikan pusat latihan sabar buat dirimu, nak. Kamu berjaya menjalani puasa dengan kesedaran, kefahaman yang tinggi. Allah memberi sesuatu yang lebih tinggi dan mahal harganya di sebalik puasamu. Moga dirimu tidak leka dengan sesuatu yang merugikan diri sendiri. Terima kasih Allah, Engkau yang memberikan ‘kemudahan’ kepada anak muda ini setelah dia bersabar dengan sedikit kesulitan.

“Mama, kenapa menangis? Abang tak mati lagi.” Gurauan Ahmad dalam kondisi masih lemah mengembalikan Puan Salmi ke alam realiti. Dia tidak sedar kalau butiran jernih itu telah mencium pipinya. Dia melirik senyum.

“Kuatnya anak mama ni. Terima kasih mampu menjadi anak hebat buat mama dan papa.”

“Abang yang hebat buat adik juga!” Tangan Fikri turut digenggam juga.

“Adik lagi hebat dari abang, *chill* je puasa.”

Mereka ketawa senada. Allah ganjarkan lagi mereka dengan suasana yang harmoni. Janji Allah itu pasti! Sabarlah!

## Doa Penenang Hati

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ  
الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَأَعُوذُ  
بِكَ مِنْ غَلَبةِ الدِّينِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

Allahumma inni a'uzubika minal hammi wal hazan.  
wa a'udzubika minal ajzi wal kasali, wa a'udzubika  
minal jubni wal bukhli, wa a'udzubika min ghalabatid  
daini wa qahrir rijaal.

Maksudnya:

Ya Allah, aku berlindung padaMu dari rasa sedih dan gelisah, aku berlindung daripada sifat lemah dan malas, dan aku berlindung padamu dari sikap pengecut dan bakhil, dan aku berlindung padaMu dari cengkaman hutang dan penindasan orang.

# Buat Baik Pada Ibubapa Diper mudah Rezeki

Dalam sebuah hadis, Rasulullah ﷺ menasihatkan kita bahawa amalan berbuat baik pada ibubapa berupaya untuk diper mudahkan rezeki. Sabda Rasulullah:

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُمَدَّ لَهُ فِي عُمْرِهِ، وَأَنْ يُزَادَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، فَلْيَبَرُّ وَالِدَيْهِ، وَلْيَصِلْ رَحْمَةً

**“ Barangsiapa yang ingin dipanjangkan umurnya dan ditambah rezekinya maka hendaklah dia berbuat baik kepada ibubapa dan menghubungkan silaturrahim. ”**

(Hadis Riwayat Ahmad)



DR. AHMAD SANUSI AZMI  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



# BAHAYA MEROKOK

SUMBER : KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)



## FAKTA MEMBIMBANGKAN AKIBAT MEROKOK:

- ❖ 50% dari golongan lelaki di Malaysia adalah perokok.
- ❖ Di Kuala Lumpur, nisbah antara perokok lelaki dan wanita di bawah umur 30 tahun adalah 5:1. 25% dari pelajar sekolah berumur 15 tahun ke atas pernah mencuba merokok dan 70% dari kumpulan ini akan menjadi perokok apabila meninggalkan bangku sekolah.
- ❖ 60-75% dari asap rokok akan disedut oleh orang yang tidak merokok.
- ❖ Hanya 50% perokok akan dapat menjangkau umur 70 tahun.
- ❖ Rakyat Malaysia membelanjakan RM1.5 bilion setiap tahun untuk membeli rokok.

Antara kesan buruk daripada aktiviti merokok adalah asap rokok akan mengancam kanak-kanak. Kanak-kanak juga dikategorikan sebagai perokok pasif. Ini kerana kanak-kanak menyedut asap rokok basi yang disebarluaskan oleh perokok. Akibatnya, kanak-kanak yang terdedah kepada asap rokok basi mempunyai risiko lebih tinggi untuk mengalami pelbagai masalah kesihatan. Di antara masalah kesihatan yang mungkin dialami adalah batuk, asma serta jangkitan paru-paru dan telinga.

Selain itu, merokok juga menambahkan risiko penyakit berbahaya dan menyebabkan 10–12% dari kematian di Malaysia. Salah satu penyakit yang dikaitkan dengan kesan merokok adalah Strok (Angin Ahmar). Strok disebabkan oleh salur darah tersumbat di dalam otak. Kerosakan ini disebabkan oleh kesan nikotin yang menjadikan salur darah akan menjadi tebal dan sempit sehingga menyukarkan aliran darah. Akibatnya, sebahagian badan mungkin menjadi lumpuh dan mengakibatkan maut.

Umum mengetahui bahawa, merokok hanya memberi kesan yang buruk kepada kesihatan kita. Sehubungan itu dikongsikan amalan berhenti merokok yang dapat dipraktikkan oleh perokok:




**AMALAN BERHENTI MEROKOK**

<b>Melengah-lengahkan</b> -Tunggu 5 minit atau katakan sebentar	<b>Menarik Nafas Panjang</b> -Tarik nafas 3 kali secara perlahan-perlahan
<b>Minum air</b> -Minum air masak. Elakkan minuman berkafein	<b>Menyibukkan diri</b> -Buat sesuatu bagi mengalih fikiran

Kementerian Kesihatan Malaysia



#DariTintaMembentukJiwa



## COMBO IHSAN

LICIN STOK

RM10  
SAHAJA

## COMBO S.E.J.I.W.A.

SET A 1 PLUS +1

RM30  
SAHAJA



## COMBO G.R.E.A.T

EXTRA PLUS+ COMBO

RM50  
SAHAJA




KEDAI BUKU JAKIM

03-8870 7445

#TEAMPENERBITANJAKIM



#DariTintaMembentukJiwa



SET B

## COMBO AL-FALAH

~~RM111.00~~

**RM100.00** !

JIMAT  
RM11.00

DISKAUN  
**10%**

SET A



## COMBO AL-FALAH

~~RM200.00~~

**RM180.00** !

JIMAT  
RM20.00

DISKAUN  
**10%**



KEDAI BUKU JAKIM



03-8870 7445

#TEAM PENERBITAN JAKIM



#DariTintaMembentukJiwa

SET C

# COMBO AL-FALAH

**DISKAUN  
10%**

~~RM111.10~~  
**RM99.99**

JIMAT  
RM11.11




SET A

# COMBO RAHMAH



**DISKAUN  
20%**

~~RM375.00~~ JIMAT RM75.00  
**RM300.00** !





#DariTintaMembentukJiwa



SET B

**DISKAUN 20%**

**COMBO RAHMAH**

~~RM375.00~~ **JIMAT RM75.00**

**RM300.00** !



KEDAI BUKU JAKIM



03-8870 7445

#TEAM PENERBITAN JAKIM